

16 NOV 1999

SOKONG BN DEMI MASA DEPAN LANGKAWI

LANGKAWI, 16 Nov (Bernama) -- Ketua Pemuda MCA Langkawi Chen Liau Weng hari ini meminta penduduk Langkawi memberi sokongan padu kepada Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya umum nanti demi masa depan pulau peranginan itu.

Sokongan itu perlu ditunjukkan dengan mengundi BN sebagai tanda terima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang telah membawa banyak perubahan kepada Langkawi sehingga menjadi destinasi pelancongan antarabangsa, katanya ketika ditemui di sini.

"Tanpa perhatian Dr Mahathir, sudah pasti nikmat pembangunan yang dikecapi penduduk Langkawi sekarang tidak akan menjadi kenyataan", katanya.

Sejak Langkawi diistiharkan sebagai pulau bebas cukai pada 1987, ramai penduduknya telah mendapat faedah dan untuk itu mereka perlu terus menyokong BN yang telah membawa pelbagai program untuk kemajuan pulau ini, katanya.

Oleh itu Chen meminta penduduk Langkawi terutama masyarakat Cina supaya menolak pandangan sempit yang dibawa oleh para penceramah daripada parti pembangkang.

Katanya Pemuda dan Wanita MCA telah pun menggerakkan jentera pilihan raya sejak beberapa bulan lepas seperti berkempen dari rumah ke rumah bagi menangkis tohmahan dan fitnah yang disebarkan parti pembangkang.

Mengenai calon pilihan raya, Chen berkata MCA tetap akur dengan keputusan pucuk pimpinan BN dan akan bekerja keras untuk memastikan kemenangan siapa juga calon yang ditetapkan.

-- BERNAMA

NH LAT